

Penagih dadah pengsan bergelut dengan polis

Penagih dadah pengsan bergelut dengan polis

SEBERANG PERAI - Tindakan seorang pengedar dadah yang cuba menyerang polis dengan parang mengundang padah apabila dia diberkas bersama 74 pekot heroin bernilai RM6,181 dalam kejadian di Kampung Kijang, Alma, Bukit Mertajam di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komision-

er Nik Ros Azhan Nik Ab. Hamid berkata, suspek berusia 37 tahun tersebut diberkas pada pukul 11 pagi di kawasan semak di kampung tersebut.

Katanya, selain dadah, polis turut merampas sebilah parang sepanjang 43 sentimeter daripada suspek.

"Suspek cuba menyerang polis ketika hendak ditahan lalu

berlaku pergelutan sebelum dia berjaya diberkas. Pemeriksaan menemui dadah seberat 345.3 gram berkenaan di dalam beg yang disangkut pada tali pinggangnya.

"Polis turut menemui 12 pekot syabu selain peralatan untuk menghisap dan membungkus dadah," katanya.

Tambahnya, suspek kemudian

dikejarkan ke Hospital Bukit Mertajam selepas tidak sedarkan diri akibat terjatuh ketika bergelut.

Semakan mendapati suspek mempunyai 19 rekod jenayah lampau berkaitan dadah dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B/39A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 353 Kanun Keseksaan.



SEBAHAGIAN dadah yang dirampas daripada seorang lelaki di Seberang Perai kelmarin.